



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**TEKS UCAPAN
YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

KENDURI 1WILAYAH PERSEKUTUAN

PARLIMEN BATU

Bismillahirrahmanirrahim

Salutasi

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Dan Salam Sejahtera**

1. Marilah sama-sama kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah swt kerana dengan izin dan limpah kurnia Nya kita dapat bersama-sama pada hari ni dalam Program Kenduri 1Wilayah Persekutuan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun 2017.
2. Kita semua amat bertuah kerana Negara Malaysia sentiasa dan masih lagi dalam keadaan aman. Kita boleh mengadakan majlis sebegini dengan selesa, beribadah dan beriadah dengan tenang tanpa sebarang ketakutan. Kuncinya adalah perpaduan, saling menghormati dan kerjasama antara satu sama lain.
3. Lantaran itu, soal perpaduan dan saling menghormati ini perlu sentiasa diterap dan disemai; dan kita patut bersyukur kerana kerajaan yang mentadbir negara ini mampu mengekalkan keamanan dan mengutamakan kepentingan rakyat serta kesejahteraan negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Kenduri 1Wilayah Persekutuan merupakan program *signature* Sambutan Hari Wilayah Persekutuan di bawah kluster program mesra rakyat. Kenduri 1Wilayah Persekutuan ini telah mula kita

laksanakan sejak tahun 2011. Sebelum ini kita laksanakan secara serentak di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan tetapi kini bagi mendekati rakyat secara lebih akrab, maka program ini dilaksanakan secara berperingkat mengikut Parlimen di sepanjang bulan Februari. Kita mendapati program ini amat memberi impak yang positif kepada warga Wilayah Persekutuan khususnya dalam jalinan ukhwah sesama insan dan dapat menyatukan pelbagai kaum dengan penglibatan semua pihak dalam penganjuran program kenduri ini.

5. Saya dapat lihat kerjasama serta perpaduan sesama ahli komuniti berganding bahu merewang untuk memasak makanan serta penyediaan khemah dan aktiviti-aktiviti lain bagi memeriahkan dan membangkitkan suasana kenduri. Program ini turut menjadi landasan dalam usaha Kementerian Wilayah Persekutuan menzahirkan keseimbangan pembangunan modal insan warga Wilayah Persekutuan melalui pengisian aktiviti yang melibatkan penyertaan komuniti. Pastinya program kenduri ini menjadi salah satu elemen penting dalam memacu perpaduan dan kestabilan sosial khususnya di kalangan warga kota.
6. Saya amat berbesar hati dengan kerjasama yang diberikan oleh Pusat-Pusat Khidmat Masyarakat, badan-badan bukan Kerajaan, Persatuan-Persatuan Penduduk, Majlis Perwakilan Penduduk serta Dewan-Dewan Perniagaan yang sentiasa bersedia menghulurkan tangan untuk bersama-sama Kementerian dalam menyokong segala usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan khususnya.

7. Penganjuran Kenduri 1Wilayah Persekutuan 2017 ini akan memberikan peluang kepada semua warga Wilayah Persekutuan untuk merasai kemeriahinan suasana kenduri walaupun kita tinggal di Bandar. Sambil menjamu selera dengan menu yang dimasak sendiri secara bergotong royong di kalangan ahli jawatankuasa perumahan serta komuniti yang terlibat pastinya dapat menghidupkan kembali budaya tradisi zaman datuk nenek kita dahulu yang semakin luntur ditelan zaman.
8. Selain aktiviti rewang, terdapat juga persembahan pentas dan cabutan bertuah serta pemberian BRIM kepada 10 orang wakil dari kawasan ini. Saya difahamkan UMNO Bahagian Batu turut menyampaikan sumbangan kepada 220 warga Parlimen Batu yang memerlukan bantuan. Semoga sumbangan yang disampaikan ini memberi sinar kepada para penerima dan sedikit sebanyak dapat membantu dalam kehidupan mereka.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

9. Saban tahun, tarikh 1 Februari amat bermakna kepada kita semua sebagai warga Wilayah Persekutuan dengan sambutan Hari Wilayah Persekutuan bagi memperingati pengisytiharan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan. Kementerian Wilayah Persekutuan mula mengadakan sambutan sejak tahun 2004. Sambutan pada tahun ini merupakan sambutan yang ke-13.

10. Saya yakin dengan tema sambutan ‘Wilayah Ceria, Rakyat Sejahtera” bertepatan dengan aspirasi Kementerian Wilayah Persekutuan yang ingin menjadikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai sebuah bandar yang ceria merangkumi persekitaran yang bersih; kemudahan pengangkutan yang kondusif; sistem pengangkutan yang sistematik dan seterusnya meningkatkan produktiviti warga Wilayah Persekutuan. Harapan saya dengan slogan ini, ia mampu merangsang seluruh warga Wilayah agar seiringan dengan Kementerian Wilayah Persekutuan bagi memajukan serta memakmurkan bumi Wilayah Persekutuan yang tercinta ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

11. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, Kementerian sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Oleh itu, pelbagai inisiatif mensejahterakan rakyat sentiasa dilaksanakan bagi memastikan rakyat mendapat manfaat yang terbaik daripada usaha yang dibuat.
12. Berkenaan dengan kekurangan parkir kereta di Perumahan Awam DBKL dan PPR kawasan Parlimen Batu, Kementerian melalui DBKL akan mengenalpasti kawasan siar kaki di kawasan tertentu untuk dikecilkkan bagi membolehkan parking tambahan disediakan atau menjadikan kawasan lapang untuk dibuat parkir sementara.

13. Saya difahamkan dewan 3 tingkat di Taman Changkat Desa, Mukim Batu telah siap dibina untuk manfaat penduduk setempat. Saya berharap penduduk di sini dapat menggunakan dewan tersebut dan menjaga dengan sebaiknya agar dapat dimanfaatkan dalam mengadakan majlis atau program-program rakyat. Kerajaan telah memberikan yang sebaiknya kepada rakyat supaya kebijakan dan keperluan warga Wilayah Persekutuan sentiasa diutamakan.
14. Antara inisiatif lain adalah pembinaan jalan masuk dari Lebuhraya DUKE ke jalan Taman Koperasi Polis Fasa 1. Dengan adanya laluan ini akan memudahkan dan memendekkan masa perjalanan penduduk di sini. Kerajaan akan pastikan setiap pembangunan di Wilayah Persekutuan akan mengambil kira kepentingan penduduk di satu-satu kawasan supaya warga kota dapat menikmati pembangunan yang dilaksanakan demi kemajuan negara.
15. Seperti mana rakyat ingin memiliki rumah di Kuala Lumpur, Kerajaan menyediakan inisiatif perumahan mampu milik dengan membina Projek RUMAWIP iaitu SkyAwani Residensi di Mukim Batu yang dibangunkan khas untuk komuniti setempat. Sebanyak 1,226 unit rumah bakal disediakan dengan nilai harga RM300 ribu seunit. Ini membuktikan kesungguhan kerajaan dalam memastikan kebijakan penduduk di sini sentiasa dijaga.

16. Selain itu, Kerajaan turut menyediakan Perkhidmatan bas sekolah secara percuma telah memberi manfaat kepada 8,072 pelajar yang merupakan anak-anak penghuni rumah Program Perumahan Rakyat dan Perumahan Awam di sekitar ibu kota. Pendekatan ini merupakan inisiatif baharu kerajaan bagi menangani kemiskinan bandar serta mengurangkan beban dan kos sara hidup.
17. Kementerian melalui DBKL dan Pejabat Cawangan juga sering menganjurkan program-program pembersihan dan pengindahan yang dibuat secara berjadual. Ini adalah sebahagian usaha yang dibuat untuk mengurangkan gejala-gejala penyakit yang berbahaya seperti demam denggi, zika, demam kepialu dan banyak lagi penyakit yang boleh menular jika kita tidak menjaga kebersihan. Oleh itu, kepada semua ahli komuniti Parlimen Batu, marilah kita bersama-sama menjalankan tanggungjawab menjaga kebersihan dan keindahan serta keceriaan parlimen ini sekaligus menjaga kebersihan ibu kota yang disayangi.
18. Aktiviti penyelenggaraan kemudahan awam dan perumahan penduduk juga seringkali dibuat oleh DBKL bagi memastikan kesejahteraan penduduk terjaga. Oleh itu, saya ingin menyeru kepada semua penduduk serta kerjasama daripada Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) agar memastikan vandalisme tidak berlaku di kawasan perumahan yang diduduki. Sayangi dan gunalah dengan sebaiknya segala kemudahan yang disediakan demi kemaslahatan bersama.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

19. Adalah diharapkan kesemua program yang diaturkan ini diharapkan mendapat komitmen dan penyertaan sepenuhnya rakyat daripada pelbagai lapisan masyarakat khususnya warga Wilayah Persekutuan untuk sama-sama merasai kemeriahana Sambutan Hari Wilayah Persekutuan.
20. Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Penganjur Kenduri 1Wilayah Persekutuan Parlimen Batu dan semua pemimpin masyarakat setempat yang telah bertungkus lumus dan memberikan kerjasama yang amat baik sekali dalam penganjuran program pada hari ini. Semoga segala usaha murni kita ini akan diberkati oleh Allah swt.
21. Dengan ini, saya mengakhiri ucapan saya dengan Wabillahi Taufik Wal hidayah. Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.